

03/12/2001

Racun Abadi sarat pemikiran bermakna

Rosli K Matari

ABDUL HADI Muhamad adalah antara penyair yang pernah prolifik bersama Grup Pemuisi UKM (Universiti Kebangsaan Malaysia) lewat penghujung dekad 70-an lalu. Ruang Dalam pula adalah kumpulan puisi persendirian beliau yang diterbitkan pada pertengahan dekad 80-an.

Selepas itu, tidak mudah lagi untuk menemui puisi beliau, kecuali sekali-sekala saja. Justeru, bukanlah suatu hal agak aneh jika namanya mungkin tidak begitu dikenali kebanyakan pengkritik, apalagi generasi mutakhir.

Namun, mutiara tetap berharga walau terpendam dalam lumpur dan debu tetap tidak bernilai apa-apa, sekalipun menjulang ke langit (saya terlupa kata-kata siapa tetapi mungkin Jalaluddin ar-Rumi). Abdulhadi adalah mutiara yang mahal nilainya dalam khazanah sastera tanah air. Chairil Anwar, misalnya, dari beberapa dekad yang lalu hanya menghasilkan sejumlah kecil puisi saja, namun karyanya tegas untuk 'hidup seribu tahun'. Demikianlah Abdulhadi, bukan soal prolifiknya, tetapi nilai puisinya.

Sepanjang dekad 90-an, Abdulhadi mungkin memilih untuk menjadi lilin di suatu penjuru sepi. Namun, cahaya puisinya tidak kunjung padam.

Sekarang, selepas kira-kira lima belas tahun jarak antara kumpulan puisi pertamanya itu, Abdulhadi keluar dari penjuru sepi itu membawa Racun Abadi.

Sebanyak 52 puisi teradun dalam Racun Abadi. Ini adalah racun metaforikal yang penuh nikmat. Saya menjadi orang pertama menemukannya. Sesiapa saja harus turut diundang mengecapi Racun Abadi yang dihidangkan Abdulhadi.

Dengan Racun Abadi, saya berani menempatkan dan mempertahankan Abdulhadi sebagai salah seorang penyair besar di garisan depan dalam dunia puisi Malaysia. Sayang sedikit, selama ini beliau diabaikan kebanyakan pengkritik (kecuali Kemala), walhal bakat besar kepenyairannya terserlah lewat Ruang Dalam. Malah pernah teruji memenangi Hadiah Sastera Malaysia sebanyak dua kali berturut-turut, iaitu pada 1984/85 melalui puisinya berjudul Urir Char dan pada tahun 1986/87 dengan puisinya berjudul Di Meja Makan, 1986.

Nama Abdulhadi boleh dikatakan tidak ditemui dalam kebanyakan esei. Barangkali kerana beliau kurang prolifik dalam dekad 90-an dan menyebabkan beliau terlepas daripada perhatian kebanyakan pengkaji dan pengkritik. Namun, hal sedemikian adalah tidak wajar kerana keistimewaan bakat besar kepenyairan beliau boleh dikesan sejak dekad 70-an.

Dalam pengamatan saya, seorang lagi penyair yang turut diabaikan kebanyakan pengkaji dan pengkritik ialah Rudi Mahmood. Meskipun Rudi Mahmood sampai kini belum mengumpulkan kumpulan puisi persendiriannya, namun saya berani meletakkan beliau sebagai seorang lagi penyair besar untuk turut berdiri di barisan depan dunia puisi Malaysia.

Abdulhadi ada gaya tersendiri. Beliau memiliki kebijaksanaan tinggi dalam seni penciptaan puisi. Larik puisinya sangat indah dan mengagumkan kerana begitu pintar mencipta bahasa segar, bagai bunga yang sentiasa mekar, sekuntum demi sekuntum. Jauh sama sekali daripada bau klise. Keseluruhan puisi beliau dalam kumpulan ini memperlihatkan ciri sedemikian.

Sekadar contoh, teliti kebijaksanaan Abdulhadi mencipta puisi bertajuk Sekarat, meskipun mengenai maut yang memang sangat mengerikan, namun beliau dapat mengibaratkan Sekarat itu melalui pengucapan puisi yang

sangat indah:

Sekarat  
Bagai sampan kecil dioleng ombak besar  
Samudera yang saujana. Sese kali  
Terlambung tinggi, sese kali ngeri  
Serangga senja kesasar mencari sarangnya  
Sebelum kalam menyingkir terang siang;  
Sang maut tidak digaduhi lain urusan  
Dengan tadi pancingnya perlahan atau kejam  
Akan menyentap harapan  
Sebelum ditelan atau kehabisan umpan.

Puisi itu sudah memadai untuk membuktikan bakat besar kepenyairan Abdulhadi.

Pemikiran Abdulhadi dalam kumpulan ini, bukan sekadar menyentuh tema kemanusiaan, kemasyarakatan, keagamaan dan alam tetapi turut memperlihatkan keprihatinan dan kesanggupan beliau menyeberang ke dunia antarabangsa.

Malah tampak begitu jelas bahawa Abdulhadi sangat lantang mengungkapkan tema politik. Ini adalah tema besar. Bukan calang-calang penyair dapat menghasilkan puisi bertemakan politik. Lebih-lebih lagi kerana semua puisi ini terhindar daripada bau propaganda, meskipun beliau tidak pula mencipta puisi bercirikan 'politik bawah tanah'.

Tema ini boleh ditemui melalui puisi Abdulhadi seperti VIP, Waswas 50-50, Antara Pacal dan Capal, Dilema Melayu 2020, Projek, Kerusi YB, Jalan Lain Ke Parlimen, Paragraf Untuk PM, Mahathir, Wawasan Untuk Pemimpin, Teledera, Golf dan Sajak Dari Pembangkang. Jumlahnya agak besar juga dalam kumpulan ini. Suara beliau lunak apabila mengkritik, bahasanya sopan dan cantik, dan bertujuan mendidik.

Tidak begitu ramai penyair mengungkapkan tema politik untuk motif mendidik masyarakat dalam dekad mutakhir ini. Beberapa dekad lalu, tema politik mengalir dalam puisi-puisi Masuri SN, Usman Awang dan Kassim Ahmad (Sekadar menyebut beberapa nama).

Oleh itu, Abdulhadi memberikan sumbangan bermakna mengisikan tema sedemikian dalam khazanah puisi mutakhir. Namun, semua puisi Abdulhadi dalam kumpulan Racun Abadi ini, baik menyentuh soal kemanusiaan, kemasyarakatan dan alam, adalah sarat dengan pemikiran sangat bermakna untuk dikongsikan taakulannya, mampu untuk membijaksakan pembaca. Penuh racun metaforikal. Namun, itulah yang harus dinikmati untuk meneguk segala pemikiran dan mesej yang diadun Abdulhadi.

Racun Abadi ini sangat berharga untuk khazanah sastera Malaysia. Moga-moga Abdulhadi akan terus rajin membancuh racun metaforikalnya. Kita menunggu kumpulannya yang lain untuk menikmati lagi racun metaforikal.

(END)